

PM bawa banyak kemajuan

UM 31/10/2003 - 40 PRECISE

Oleh ZUHAIRI ALI dan SOPI SAMAILE

JIKALAU saudara semua mahu mengetahui sejauh manakah beliau mencintai negara kita saya nyatakan di sini tiada siapa yang mencintai Malaysia lebih daripada beliau. Inilah dia seorang pemimpin yang menentukan nasib negara kita.

"Saya ingin menyatakan bahawa kita sungguh bertuah mendapat Perdana Menteri seperti beliau yang sentiasa mempertahankan negara dan rakyatnya. Walaupun banyak cabaran ekonomi yang beliau terpaksa harungi dia pasti mencari jalan untuk memulihkan keadaan."

Itulah dia pandangan ikhlas Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang diluahkan di hadapan ribuan rakyat Bumi Kenyalang pada satu perhimpunan di tahun 1998 tatkala negara dibelenggu kemelesetan ekonomi yang melanda dunia.

Abdul Taib bukanlah calang-calang pemimpin, malah beliau adalah ketua kabinet Barisan Nasional (BN) negeri yang paling kanan dengan pengalaman dalam politik melebihi empat dekad. Beliau juga dilantik ke jawatannya sekarang pada tahun yang sama Dr. Mahathir menerajui Kerajaan Pusat pada 1981.

Namun apabila bercakap tentang Dr. Mahathir, beliau tidak merasa kekok untuk merendah diri, melihat seorang pemimpin yang nyata lebih hebat dan dikagumi ramai, baik di dalam mahupun luar negara.

"Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin ulung," katanya dengan menambah, terlalu banyak jasa Perdana Menteri kepada negara dan kesannya dirasai segenap lapisan masyarakat, tidak mengira kaum, darjat dan umur.

Menurut Abdul Taib, rakyat tentunya

cukup dikenali dengan banyak pendekatan drastik tetapi berkesan, telah membuat kejutan pada tahun pertama beliau memegang tampuk pemerintahan.

Langkah drastik yang beliau maksudkan ialah apabila Dr. Mahathir menukar waktu Greenwich kepada waktu tempatan dengan mempercepatkan masa selama 30 minit untuk menyamakan waktu Sabah dan Sarawak pada 3 Disember 1981.

Abdul Taib berpendapat, walaupun langkah itu mendapat reaksi yang pelbagai, ia akhirnya diterima umum sebagai strategi berkesan ke arah integrasi nasional. Dan apa yang tidak kurang pentingnya, ia satu usaha oleh rakyat Malaysia sendiri untuk menentukan apa yang terbaik untuk negaranya.



DR. MAHATHIR melihat model kapal Puteri Intan Satu milik MLNG pada majlis perasmian Kompleks LNG Petronas sambil diperhatikan oleh Abdul Taib Mahmud (kanan sekali), Mohd Hassan Marican (dua dari kiri) dan Azizan Zainul Abidin (dua dari kanan) di Bintulu, Sarawak.

Ini berbeza keadaannya dengan dua kali perubahan waktu seperti mana yang berlaku pada zaman penjajahan Jepun dan apabila British kembali ke Persekutuan Tanah Melayu. Sewaktu Tanah Melayu jatuh ke tangan Jepun, waktunya ditukar untuk sama dengan Tokyo (dua jam lebih awal). British yang kembali selepas 1945, menukar semula waktu asal.

Sikap pemimpin ulung yang ada pada diri Dr. Mahathir menyaksikan Malaysia Timur khususnya Sarawak, tidak dipinggirkan daripada arus pembangunan tanah demi tanah, perubahan muar terasa menerusi pelaksanaan konsep politik pembangunan yang kemudiannya diteruskan oleh Abdul Taib di peringkat pentadbiran negeri.

Malah dalam Bajet 2004, Sarawak mendapat peruntukan yang besar iaitu RM5.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan termasuk pembinaan jalan raya, menaiktaraf lapangan terbang dan pelaburan serta penyediaan bekalan air.

"Ini mungkin hadiah persaraan beliau tetapi bagi kami di Sarawak, ia adalah satu bukti komitmen berterusan Kerajaan Pusat yang diterajunya untuk memastikan negeri ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan," kata Abdul Taib.

Sememangnya rakyat Sarawak beruntung kerana walaupun

pembangunan negeri tidak sepanjang sesetengah negeri lain di Semenanjung, mereka tetap menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Daripada lapangan terbang, pelabuhan, jalan raya hinggalah kemudahan perubatan dan pendidikan, apa yang dimikmati sekarang jauh lebih baik berbanding zaman sebelum Sarawak bersama-sama membentuk Malaysia pada 1963.

Tidak cukup dengan itu, inisiatif Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan Dr. Mahathir untuk meniadakan Malawia sebagai sebuah negara perindustrian, memberi kesan langsung ke arah kemajuan Sarawak.

Abdul Taib berkata, contoh paling ketara ialah pembangunan pesat Bintulu sebagai bandar industri berat hasil operasi kompleks MLNG oleh Petronas. Dr. Mahathir sendiri telah merasmikan kompleks itu tahun ini yang membabitkan pelaburan keseluruhan sebanyak RM37.8 bilion.

Kompleks itu diiktiraf sebagai loji pencacairan gas asli terbesar di dunia dalam satu lokasi, sekali gus bakal meletakkan Malaysia sebagai pengeluar kedua di dunia mengatasi Algeria dan di belakang Indonesia.

Bintulu menjadi satu contoh yang terbaik komitmen Kerajaan Pusat kerana pembangunan yang dijalankan telah

mengubah senario kehidupan masyarakat setempat yang cuma sebuah kampung nelayan pada era 70-an dan awal 80-an kepada antara bandar industri terpenting di Malaysia.

Jika pada masa itu penduduk Bintulu cuma 5,000 orang, kini sudah mencecah 100,000 dan ia terus berkembang sebagai bandar paling pesat membangun di Sarawak.

Begitu juga dengan projek mega lain seperti Empangan Hidroelektrik Bakun yang telah disambung semula dan dijangka siap pada 2007.

Projek itu kelak akan menjadikan Sarawak pengeluar tenaga elektrik yang utama sambil menjaga pembangunan pelbagai industri hiliran.

Abdul Taib berpendapat, pemimpin datang dan pergi tetapi jasa Dr. Mahathir terlalu besar dan banyak untuk dikenang berbanding mereka yang lain.

Baginya, Dr. Mahathir telah berjaya mengubah rakyat Malaysia 'luar dan dalam', biarpun usaha itu sendiri memakan masa yang panjang dan menempuh pelbagai rintangan.

Dalam apa juga tindakan, semuanya bermula dengan pemikiran. Menerusi pemikiran, manusia bertindak. Bagi mengajak rakyat Malaysia berfikir dan bertindak selaku orang yang telah

“Walaupun banyak cabaran ekonomi yang terpaksa diharungi, beliau pasti mencari jalan untuk memulihkan keadaannya”

merdeka, minda mereka lebih dahulu perlu diubah agar bebas daripada kongkongan penjajahan.

Kata Abdul Taib, pembebasan minda rakyat menerusi konsep 'Malaysia Boleh' berjaya menyemarakkan semangat setiap daripada kita untuk melakukan yang terbaik demi negara di mana batas pemikiran dan fizikal bukan lagi satu halangan.

Ketika menyampaikan ucapan pada Seminar Pemikiran Dr. Mahathir di Kuching pada Jun lalu, Abdul Taib menarik perhatian mereka yang hadir rakyat Malaysia yang bebas dan berdaya dengan berlandaskan kemampuan dan daya cipta sendiri.

"Beliau telah menunjukkan kemampuan yang ada dalam diri kita sebagai rakyat biasa ini, jika diasah dan diberi tunjuk ajar, dapat menyumbang kepada negara," katanya.

Katanya, sasaran Dr. Mahathir ialah ingin merealisasikan Wawasan 2020 agar Malaysia pada waktu itu kelak, mencapai status negara maju.

"Perdana Menteri dengan penuh keazaman telah membawa kemajuan yang pesat untuk mencapai aspirasi dan harapan kita mencapai Wawasan 2020. Mungkin beliau dan saya sendiri tidak ada lagi waktu itu, tapi apa yang penting ialah sumbangan terhadap meneruskan perjuangan kita semua," ujarnya.